

AB. Hakim Borhan (kiri) dan Kamaruddin Ambok (dua dari kiri) meninjau kawasan yang sering dilanda banjir di Segambut, semalam.



Kolam atasi banjir akan dibina

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI

SEGAMPUT 29 Okt. - Masalah banjir yang sering melanda beberapa buah kampung di Segambut dijangka berakhir apabila empat buah kolam takungan banjir dibina tidak lama lagi.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengenal pasti kawasan lapang untuk tujuan tersebut dan perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan diadakan dalam masa terdekat bagi mempercepatkan pembinaan kolam-kolam berkenaan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan berkata, selain pembinaan empat kolam takungan tersebut, DBKL juga akan mengambil beberapa langkah lain supaya masalah banjir tidak berlaku lagi pada masa depan.

Bagi tindakan jangka panjang, DBKL akan menambah keluasan kawasan supaya kapasiti air yang beredar lebih banyak dan dapat dilakukan dengan cepat.

"Selain itu, pintu injap air juga akan dibina supaya aliran air tidak akan melimpah keluar sehingga menyebabkan banjir."

"DBKL juga berharap penduduk kampung dapat bergotong-royong serta menjaga kebersihan longkang-longkang bagi mengelakkan sampah-sampah tersumbat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke sekitar kawasan yang

sering dilanda banjir di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan DBKL, Datuk Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz, Pengarah Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai, Hooi Yoke Meng dan Ketua UMNO Segambut, Datuk Kamaruddin Ambok.

Ab. Hakim berkata, memandangkan Segambut merupakan kawasan perumahan yang lama, maka kebanyakan kemudahan infrastruktur di kawasan tersebut kurang memuaskan, menyebabkan kawasan itu mudah dilanda banjir.

Beliau berkata, punca sebahagian kampung di sekitar Segambut dilanda banjir pada 17 Oktober lalu adalah disebabkan keadaan longkang yang tidak sempurna dan terlalu kecil serta aliran air dari projek-projek perumahan baru yang berdekatan.

"Kawasan Segambut pula tidak mempunyai kolam takungan banjir yang boleh mengurangkan risiko kawasan itu daripada dinaiki air."

"Sebelum ini terdapat satu kolam takungan banjir yang terdapat berhampiran Sungai Keroh namun ia masih belum dibina dengan sempurna oleh JPS."

"DBKL akan mengadakan perbincangan dengan JPS bagi mengetahui bagaimana cara untuk membolehkan kolam tersebut digunakan," jelasnya.

Pada majlis tersebut, Ab. Hakim turut menyerahkan sumbangan ihsan sebanyak RM300 kepada 193 mangsa banjir di ka-

wasan berkenaan.

Beliau turut memaklumkan bahawa DBKL telah mengenal pasti satu kawasan iaitu di Jalan Kelapa Bulan, Segambut untuk dibina dengan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Bagaimanapun, ujar Ab. Hakim, perkara tersebut akan dibawa kepada mesyuarat terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan muktamad dapat diputuskan.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng menyambut baik pembinaan empat buah kolam takungan banjir itu kerana ia bakal mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut yang sudah berlarutan sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, beliau juga akan membuat su-sulan terhadap kerja-kerja pembinaan kolam-kolam tersebut sehingga ia siap sepenuhnya.

Bagaimanapun, beliau terkilan kerana DBKL tidak menjemputnya semasa Datuk Bandar mengadakan lawatan di kawasan terbabit pagi ini sedangkan beliau adalah wakil rakyat kawasan itu.

"Sebelum ini, saya telah menghantar beberapa surat dan aduan kepada DBKL supaya mengadakan dialog bersama-sama penduduk bagi menyelesaikan masalah terbabit, namun apabila mereka turun padang, mereka tidak memaklumkan kepada saya."

"Saya harap selepas ini mereka memaklumkan kepada saya tentang sebarang tindakan yang mereka ambil memandangkan kawasan ini di bawah tanggungjawab sa-

ya," jelasnya.

Sementara itu, projek tebatan banjir Batu dan Jinjang, yang bermula sejak empat tahun lepas, dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir. Ahmad Husaini Sulaiman berkata, apabila siap kelak, projek itu dijangka mampu mengurangkan lagi masalah banjir di Lembah Klang.

Katanya, ini kerana kolam takungan air Jinjang di Sungai Gombak dapat menampung 2.5 juta meter padu air manakala kolam takungan Batu di Sungai Batu pula sebanyak 4.5 juta padu.

Beliau berkata, kos keseluruhan projek itu ialah RM800 juta, meliputi kerja menaik taraf sungai untuk meningkatkan keupayaannya serta kolam takungan banjir di kawasan berhampiran Sungai Gombak dan Sungai Batu.

"Projek tebatan (banjir) Batu dan Jinjang adalah satu kawalan banjir untuk Sungai Gombak dan Sungai Batu yang tidak berkait secara langsung dengan Projek Pengurusan Air Banjir dan Terowong Jalan (SMART)."

Sebab itu, katanya, SMART tidak boleh dikatakan gagal apabila berlaku banjir di Kepong dan Jinjang baru-baru ini.

"Di sini, kita tidak gunakan pembahagian tetapi gunakan takungan iaitu dua kolam yang berfungsi simpan dahulu dan bila hujan sudah reda, baru dilepaskan," katanya.